

06/07/2002

Pilih wakil rakyat boleh bawa kemajuan

Norbakti Alias; Hassan Omar

JITRA, Jumaat - Pengundi di Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit harus memilih wakil rakyat yang dapat memberikan perkhidmatan dan membawa kemajuan di kawasan mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, wakil rakyat Barisan Nasional (BN) mampu membawa kemajuan berbanding wakil pembangkang yang hanya bercakap kosong bagi memancing undi tetapi tidak mampu memajukan kawasan mereka.

Perdana Menteri berkata, pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit harus digunakan pengundi secara bijak dengan memilih wakil rakyat BN kerana hanya wakil rakyat kerajaan mampu membawa kemajuan.

"Kita hendak pilih wakil rakyat yang boleh berkhidmat untuk kita. Kalau wakil rakyat bukan kerajaan, dia tidak boleh buat apa-apa...dia boleh cakap sajalah.

"Mereka (pembangkang) cuma membangkitkan perasaan benci yang tidak ada asas sama sekali.

"Yang peliknya, mereka berkata, bencilah orang ini (calon BN) dan undilah kami. Kalau kita terpengaruh dengan perasaan benci dengan tak ada fasal, kita rugi," katanya pada majlis pecah tanah Kompleks Pejabat Daerah Kubang Pasu di Batu 14, Jalan Changlun dekat sini, hari ini.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Exco dan Pegawai Daerah Kubang Pasu, Datuk Ismail Abdul Hamid.

Kompleks yang mula dibina November lalu dan dijangka siap April 2003, akan menggantikan fungsi Pejabat Daerah Kubang Pasu sedia ada.

Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN, turut diberikan taklimat mengenai pembinaan Dewan Wawasan bernilai RM30 juta bersebelahan kompleks itu.

Pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit akan diadakan 18 Julai berikutan kematian Presiden Pas, Allahyarham Datuk Fadzil Noor, 23 Jun lalu. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan Rabu ini sebagai hari penamaan calon.

Mengenai calon Umno bagi kawasan Parlimen Pendang dan DUN Anak Bukit, Perdana Menteri berkata, nama calon berkenaan akan diumumkan apabila tiba masanya.

"Saya sudah melihat senarai calon yang dikemukakan tetapi saya tidak boleh umumkan sekarang kerana ia rahsia parti.

"Pak Lah (Timbalan Perdana Menteri Datuk Abdullah Ahmad Badawi) akan umumkannya nanti," katanya yang mengharapkan BN dapat merampas kedua-dua kerusi itu.

"Saya harap pada pilihan raya kecil ini, kita pilih yang baik-baiklah. Dengan itu, kita dapat kerajaan yang boleh berkhidmat untuk kita. Saya pun akan rasa lega sedikitlah kalau kita menang," katanya.

Pada masa sama, Dr Mahathir meminta ahli dan penyokong parti komponen BN di Kubang Pasu supaya memberikan sokongan kepada BN bagi memastikan pelbagai kemajuan mampu dibawa ke daerah itu.